

Isnin

25 September 2017



**MALAYSIA**

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH  
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**MAJLIS MENGGANGKAT SUMPAAH**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 25 September 2017**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

**LANTIKAN SEMULA**

1. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin

**LANTIKAN BARU**

1. Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**UCAPAN TAKZIAH**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera, selamat pagi dan salam negaraku Malaysia.

Sebagai mukadimah, saya ingin mengumumkan berita yang sangat sedih bahawa seorang Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar telah meninggalkan kita semua pada hari Awal Muharam, bertarikh 22 September 2017.

*Allahyarhamah* telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Pahang sebagai Senator untuk tempoh tiga tahun bermula pada 29 Mei 2015 yang mana akan berakhir pada 28 Mei tahun hadapan. Saya bagi pihak Parlimen Malaysia dan Dewan Negara khususnya melafazkan ucapan takziah kepada suami dan keluarga *Allahyarhamah* atas kehilangan yang teramat besar ini.

Dewan yang mulia ini merakamkan penghargaan terhadap segala sumbangan dan khidmat bakti *Allahyarhamah* yang tidak ternilai kepada masyarakat dan negara. Sekarang sebagai tanda penghormatan, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun selama satu minit bagi memberi penghormatan, dan doa kepada *Allahyarhamah* mengikut kepercayaan masing-masing.

*[Ahli-ahli Yang Berhormat Senator bangun bertafakur]*

## **MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kembali kepada aturan Dewan- ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan dua orang Ahli Dewan Negara iaitu Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin yang merupakan pelantikan semula, dan Yang Berhormat Datuk Sambanthan A/L Manickam yang merupakan pelantikan baru.

Pelantikan tersebut adalah berdasarkan Perenggan (b), Fasal 1, Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan, dan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memperkenankan pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat selama tiga tahun.

Pelantikan semula Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin merupakan satu pengiktirafan terhadap khidmat bakti dan sumbangan beliau sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas. Manakala pelantikan baru Yang Berhormat Datuk Sambanthan A/L Manickam merupakan satu peluang baru kepada Ahli Yang Berhormat untuk memperlihatkan komitmen khidmat bakti dan sumbangan beliau kepada bangsa dan masyarakat di peringkat legislatif yang tertinggi di negara kita. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik, adalah dengan harapan akan menyumbang dengan gigih ke arah mempertingkatkan mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Saya juga yakin, Yang Berhormat akan patuh kepada ikrar taat setia dan berpendirian teguh dalam mendukung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Selain itu, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan juga diingatkan untuk mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam piagam negara yang menekankan antara lain keperibadian mulia yang menjiwai dan memberi makna kepada konsep demokrasi berparlimen.

Suka saya menegaskan, demokrasi merupakan tanggapan yang indah, yang mana perlu dibina atas landasan keperibadian yang beradab dan bersopan disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional. Sifat yang mulia dan luhur adalah penting ditonjolkan sebagai contoh teladan yang terpuji, bukan saja dalam ruang Dewan ini tetapi jauh penting lagi di kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda.

Dengan itu, saya percaya Yang Berhormat akan bantu memperkukuhkan amalan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan di negara yang tercinta ini, juga diharap akan memperkasakan imej Parlimen di negara ini sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendukung visi rakyat secara gigih ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan, sejajar dengan impian dan kepimpinan negara.

Dengan kata-kata itu maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.12 pagi]***